



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 4

15hb Februari 2007

*TAMBAHAN No. 19
PERUNDANGAN (A)*

~~P.U. (A) 62:~~

~~AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN
PERSENDIRIAN) 1984~~

~~PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)
(PUNGUTAN TOL) (LEBUHRAYA UTARA SELATAN HUBUNGAN TENGAH DAN
LEBUHRAYA KLIA) (PINDAAN) (NO. 2) 2007~~

~~PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [Akta 306], Menteri membuat perintah yang berikut:~~

~~Nama dan permulaan kuat kuasa~~

1. (1) ~~Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah dan Lebuhraya KLIA) (Pindaan) (No. 2) 2007:**~~

~~(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2007.~~

~~Pindaan Jadual Kedua~~

2. ~~Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah dan Lebuhraya KLIA) 2002~~

P.U. (A) 67.

AKTA PEMBANGUNAN MINERAL 1994

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN MINERAL
(SKIM PENGENDALIAN MELOMBONG, PELAN DAN BUKU REKOD) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 63(2)(g) Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Skim Pengendalian Melombong, Pelan dan Buku Rekod) 2007**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2007.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bahan berbahaya” ertinya apa-apa bahan yang, disebabkan oleh kuantitinya, kepekatannya atau ciri fizikal atau kimianya, boleh mengakibatkan potensi bahaya kepada kesihatan manusia atau kepada alam sekitar; dan

“Pengurus” ertinya Pengurus yang dilantik di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994.

Skim pengendalian melombong

3. (1) Suatu skim pengendalian melombong hendaklah mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- (a) hak pemunyaan permukaan;
- (b) semua pajakan, surat ikatan dan perjanjian dengan tuan punya hak permukaan;
- (c) perihalan mengenai tapak termasuk semua ciri permukaan yang ketara;
- (d) suatu penilaian mengenai kestabilan tanah bagi pengerjaan lombong;
- (e) lokasi terperinci mengenai pengerjaan lombong yang dicadangkan;

- (f) rizab bijih yang boleh dilombong, termasuk rizab bijih yang terukur, mungkin atau teragak;
- (g) kaedah perlombongan yang dicadangkan;
- (h) jadual bagi semua kerja pembangunan permukaan dan bawah tanah;
- (i) peralatan perlombongan yang akan digunakan;
- (j) kategori dan bilangan pekerja yang dikehendaki pada setiap fasa kerja perlombongan dan pengeluaran;
- (k) bagi pengendalian bawah tanah, butir-butir kerja pembangunan bawah tanah termasuk lukisan kejuruteraan, pengalihudaraan, sokong bumbung, pengawaairan, dan pengagihan perkhidmatan yang berkaitan dengannya;
- (l) kaedah dan tatacara bagi pemindahan bijih mineral dan buangan;
- (m) kaedah memproses dan melebur, jika ada, termasuk peralatan dan bahan berbahaya yang akan digunakan;
- (n) kaedah untuk mengendalikan bahan berbahaya dan bahan letupan, termasuk pengangkutan, penggunaan dan penyimpanan;
- (o) pengurusan pengangkutan dan trafik;
- (p) penyimpanan hampas, tanah atas, beban atas, bijih mineral dan buangan;
- (q) langkah-langkah perlindungan alam sekitar termasuk rancangan kawalan pencemaran, pengawasan dan luar jangkaan;
- (r) tatacara keselamatan semasa kerja pembangunan; dan
- (s) rancangan pemulihan progresif dan rancangan selepas penutupan lombong yang dicadangkan.

(2) Suatu skim pengendalian melombong hendaklah disediakan, ditandatangani dan diakui sebagai mematuhi amalan profesional yang baik oleh seorang perunding.

(3) Dalam peraturan ini—

“perunding” ertinya seorang jurutera profesional perlombongan atau sumber mineral yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera, Malaysia; dan

“rizab bijih” ertinya gred dan tanan endapan mineral yang dikenal pasti dengan cara yang munasabah sama ada melalui penggerudian atau cara lain.

Pelan pengerjaan lombong

4. (1) Pengurus hendaklah menyenggarakan pelan pengerjaan lombong yang tepat melalui pengukuran sebenar, yang mengandungi butir-butir seperti yang berikut:

- (a) bentangan permukaan;
- (b) lukisan berasingan mengenai satah mendatar bagi setiap aras yang menunjukkan semua kerja bawah tanah, termasuk lubang lombong, sistem elektrik dan pengalihudaraan, terowong, lubang gerudi intan, empangan dan hulu pukal; dan
- (c) lukisan berasingan mengenai satah menegak semua seksyen lombong pada selang dan azimut yang sesuai, yang menunjukkan semua syaf, sistem elektrik dan pengalihudaraan, terowong, aliran, rong dan pengerjaan lombong lain berhubung dengan permukaan, termasuk lokasi apa-apa terusan air atau badan perairan yang diketahui.

(2) Dalam peraturan ini, "hulu pukal" ertinya suatu struktur bagi pembendungan air, udara mampat, kambus balik hidraulik atau apa-apa bahan dalam suatu bukaan bawah tanah yang tekanan potensi terhadap struktur itu akan melebihi 100 kilopaskal.

Buku rekod mengenai pengendalian

5. Pengurus hendaklah menyenggarakan buku rekod yang mengandungi butir-butir seperti yang berikut:

- (a) struktur organisasi lombong;
- (b)imbangan metalurgi pemprosesan bijih;
- (c) keputusan pencarigalian;
- (d) maklumat geologi tenemen;
- (e) pemeriksaan keselamatan lombong;
- (f) pengawasan kawalan pencemaran;
- (g) rekod letupan;
- (h) pengawasan pengalihudaraan lombong;
- (i) rekod pengeluaran dan jualan;
- (j) bahan berbahaya dan toksik kimia;
- (k) kenderaan;

- (l) kemalangan;
- (m) pemulihan;
- (n) bijih buangan dan beban atas;
- (o) kewajipan kewangan terhadap Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Dibuat 29 Januari 2007
[NRE(S)64/09/15; PN(PU²)597]

DATO' SERI AZMI BIN KHALID
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

MINERAL DEVELOPMENT ACT 1994

MINERAL DEVELOPMENT (OPERATIONAL MINING SCHEME, PLANS AND RECORD BOOKS) REGULATIONS 2007

IN exercise of the powers conferred by paragraph 63(2)(g) of the Mineral Development Act 1994 [Act 525], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Mineral Development (Operational Mining Scheme, Plans and Record Books) Regulations 2007**.

(2) These Regulations come into operation on 15 February 2007.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“hazardous material” means any material that, because of its quantity, concentration or physical or chemical characteristics, may result in a potential hazard to human health and safety or to the environment; and

“Manager” means the Manager appointed under the Mineral Development Act 1994.

Operational mining scheme

3. (1) An operational mining scheme shall consist of information as follows:

- (a) surface rights ownership;

-
- (b) all leases, deeds and agreements with surface rights owners;
 - (c) description of the site including all significant surface features;
 - (d) an assessment of ground stability of the workings of the mine;
 - (e) detailed location of the proposed mine workings;
 - (f) mineable ore reserves including measured, possible or inferred ore reserves;
 - (g) proposed mining methods;
 - (h) schedules for all surface and underground development work;
 - (i) mining equipment to be used;
 - (j) category and number of workers required during each phase of development works and production;
 - (k) for underground operation, details of underground development work including the engineering drawings, ventilation, roof support, dewatering, and distribution of services connected thereto;
 - (l) methods and procedures for removal of mineral ore and wastes;
 - (m) processing and smelting method, if any, including equipment and hazardous material to be used;
 - (n) methods for handling hazardous materials and explosive, including transportation, usage and storage;
 - (o) haulage and traffic management;
 - (p) storage of tailings, top soil, overburden, mineral ore and wastes;
 - (q) environmental protection measures including pollution control, monitoring and contingency plans;
 - (r) safety procedures during development work; and
 - (s) proposed progressive rehabilitation and post mine closure plans.

(2) An operational mining scheme shall be prepared, signed and attested to conform to good professional practice by a consultant.

(3) In this regulation—

“consultant” means a professional mining or mineral resources engineer registered with the Board of Engineers, Malaysia; and

“ore reserve” means the grade and tonnage of a mineral deposit which has been identified with reasonable means either by drilling or other means.

Plans of the workings of the mine

4. (1) The manager shall maintain accurate plans of the workings of the mine through actual survey, consisting details as follows:

- (a) surface layout;
- (b) separate drawings on the horizontal plane for each level showing all underground workings, including shafts, electrical and ventilation systems, tunnels, diamond drill hole, dams and bulkheads; and
- (c) separate drawings on the vertical plane of all mine sections at suitable intervals and azimuths, showing all shafts, electrical and ventilation systems, tunnels, drifts, stopes and other mine workings in relation to the surface, including the location of any known watercourse or body of water.

(2) In this regulation, “bulkhead” means a structure for the impoundment of water, compressed air, hydraulic backfill or any material in an underground opening where the potential pressure against the structure will be in excess of 100 kilopascals.

Record books on operation

5. The Manager shall maintain record books consisting details as follows:

- (a) mine organizational structure;
- (b) metallurgical balance of the ore processing;
- (c) prospecting results;
- (d) geological information of the tenement;
- (e) mine safety inspection;
- (f) pollution control monitoring;
- (g) blasting records;
- (h) mine ventilation monitoring;
- (i) production and sales records;
- (j) hazardous materials and toxic chemicals;

- (k) vehicles;
- (l) accidents;
- (m) rehabilitation;
- (n) ore waste and overburden;
- (o) financial obligations towards the Federal and State Governments.

Made 29 January 2007
[NRE(S)64/09/15; PN(PU²)597]

DATO' SERI AZMI BIN KHALID
Minister of Natural Resources and Environment

~~P.U. (A) 68:~~

~~AKTA SETEM 1949~~

~~PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) 2007~~

~~PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:~~

~~**Nama**~~

~~1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) 2007.**~~

~~**Peremitan**~~

~~2. Tujuh puluh lima peratus (75%) daripada duti setem yang kena dibayar ke atas surat cara pindah hakmilik tanah yang dipegang di bawah No. Lot 1173, No. Hakmilik G.M. 2990, Mukim Simpang Kanan, Batu Pahat, Johor dan No. Lot 1172, No. Hakmilik G.M. 2989, Mukim Simpang Kanan, Batu Pahat, Johor yang disempurnakan pada 22 September 2003 antara Kia Lim Timber Trading Sdn. Bhd. (pemberi pindah hakmilik) dan Che Eng Khor Moral Uplifting Society Batu Pahat (penerima pindah hakmilik) diremitkan.~~

~~Dibuat 18 Januari 2007
[Perb. (8.09) 248/39/7-667(24); LHDN. 01/34/42/68-180-2(01/05);
PN(PU²)159/XXXIII]~~

~~Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan~~

~~DATO' DR. NG YEN YEN
Timbalan Menteri Kewangan~~